

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 22.07.2025 MASA: 5.30PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN PROJEK PEMBINAAN
KOMPLEKS MAKANAN BERTAM PERDANA, KEPALA
BATAS, PULAU PINANG**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**30 JULAI 2025 (RABU)
3.00 PETANG**

**TEMPAT LETAK KENDERAAN,
LORONG PANGLIMA 4, BERTAM PERDANA, KEPALA BATAS
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

1. Yang Dihormati

Encik Zainuddin Bin Mohamed

Encik Muhamad Suzuki Bin Ahmad

Whip Ahli Majlis Majlis Bandaraya Seberang Perai

2. Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

3. Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

4. Yang Berusaha Encik Mohd Syukri Bin Said

Pengarah Kejuruteraan Merangkap Penyelaras Pelancaran

Projek Pembinaan Makanan Bertam Perdana, Kepala Batas

Pulau Pinang

5. Rakan-Rakan Strategik

Projek Pembinaan Makanan Bertam Perdana, Kepala Batas
Pulau Pinang

6. Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan Majlis Bandaraya Seberang Perai

7. Rakan-Rakan Media

8. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya juga, kita dapat berhimpun pada petang yang penuh makna ini dalam **Majlis Pelancaran Projek Pembinaan Kompleks Makanan Bertam Perdana, Kepala Batas, Pulau Pinang.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua warga kerja MBSP yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung serta kepada para hadirin sekalian yang sudi meluangkan masa untuk turut serta dalam menjayakan majlis ini. Sesungguhnya, kerjasama erat dan sokongan padu daripada pelbagai pihak inilah yang menjadi teras kejayaan setiap inisiatif pembangunan kita.
3. Projek yang kita raikan pada hari ini merupakan satu lagi manifestasi komitmen berterusan MBSP dalam menyediakan infrastruktur perniagaan dan perkhidmatan awam yang kondusif, moden dan lestari. Kompleks makanan yang bakal dibina di Lot 4824, Bertam Perdana ini; yang terletak strategik bersebelahan Sekolah Menengah Kebangsaan

Paya Keladi, dijangka akan menjadi sebuah nadi ekonomi baharu yang merancakkan aktiviti perniagaan komuniti setempat.

4. Projek pembinaan ini yang bernilai RM4.95 juta adalah hasil daripada peruntukan MBSP, dan telahpun bermula mengikut jadual yang ditetapkan iaitu pada 2 Januari 2025, dengan tempoh pelaksanaan selama 12 bulan.
5. Skop kerja projek ini merangkumi bukan sahaja pembinaan Kompleks makanan, tetapi turut merangkumi pembinaan pejabat penyelenggaraan, kerja-kerja mekanikal dan elektrikal serta penyediaan kemudahan awam yang menyeluruh. Antara elemen pembangunan yang bakal dibangunkan termasuklah:
 - a) 40 unit gerai makanan (Gerai A & B);
 - b) 66 lot parkir kereta;
 - c) Empat (4) lot parkir OKU;
 - d) 45 parkir motosikal;
 - e) Kemudahan surau lelaki & wanita, tandas awam termasuk tandas OKU; serta
 - f) Stor utiliti dan pusat kitar semula
6. Syarikat Kejuruteraan Jaya Kukuh telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek pembinaan ini dan pihak MBSP amat berharap

agar pelaksanaannya dapat dijalankan dengan lancar serta menepati spesifikasi teknikal, jadual masa dan bajet yang telah ditetapkan.

7. Projek ini merupakan sebahagian daripada inisiatif strategik MBSP dalam usaha memperkasa pembangunan infrastruktur penjaja dan pasar awam di seluruh Seberang Perai. Untuk tahun 2025 sahaja, selain daripada projek ini, sebanyak tujuh (7) lagi projek utama telah dikenal pasti, dengan jumlah kos keseluruhan melebihi RM47 juta. Projek-projek ini merangkumi kerja-kerja pembangunan semula, naik taraf dan penempatan semula penjaja di beberapa lokasi tumpuan seperti Sri Uda, Jeti Lama, Taman Bagan, Taman Chai Leng, Taman Sri Rambai, Taman Seri Akasia dan Bukit Mertajam. Inisiatif menyeluruh ini mencerminkan komitmen berterusan MBSP dalam menyediakan prasarana yang lebih kondusif, tersusun, dan selamat demi kesejahteraan para peniaga serta kemudahan pengguna.
8. Pendekatan holistik ini bukan sahaja menumpukan kepada pembangunan fizikal tetapi turut menjurus kepada peningkatan taraf ekonomi penjaja dan peniaga kecil yang menjadi tulang belakang kepada ekonomi bandar. Inilah wajah Malaysia MADANI yang kita impikan, di mana pembangunan fizikal selari dengan kemajuan sosial dan ekonomi.
9. Justeru itu, harapan saya adalah agar projek ini dapat menjadi pemangkin kepada kemajuan kawasan Bertam Perdana dan

sekitarnya serta membuka ruang dan peluang baharu kepada golongan penjaja untuk beroperasi dalam persekitaran yang lebih selesa, teratur dan berdaya saing.

10. Saya juga menyeru agar semua pihak; termasuk agensi pelaksana, pihak kontraktor dan komuniti setempat, dapat memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan projek ini dengan penuh tanggungjawab dan komitmen.
11. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas sokongan padu terhadap segala inisiatif MBSP dalam usaha memperkasa pembangunan dan kesejahteraan rakyat, khususnya di kawasan Seberang Perai. Semoga kompleks ini, apabila siap kelak, dapat menjadi mercu kemudahan yang bukan sahaja menyokong aktiviti ekonomi tempatan, tetapi juga menyumbang kepada kelestarian bandaraya yang inklusif, sejahtera dan berdaya huni.
12. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmaanirrahim***, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Pelancaran Projek Pembinaan Kompleks Makanan Bertam Perdana, Kepala Batas, Pulau Pinang**.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***